



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA:

ENCIK GHAZALI MOHAMED FADZIL MENGENAI SUMBANGAN BELIAU SEBAGAI DEPUTY
DIRECTOR OF HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT, CENTER BANK OF MALAYSIA. DALAM
BIDANG PENGURUSAN MAKLUMAT.

DISEDIAKAN OLEH;

AHMAD BIN MOHD AZHAR
MUHAMMAD NAZIRUL HI'MATULLAH BIN ABDUL JALIL

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA;

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
JOHOR KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604- ORAL DOCUMENTATION

SEMESTER 5 (MAC-JUN 2015)

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGHARGAAN.....	2
2.0	ABSTRAK.....	3
3.0	SINGKATAN	4
4.0	BIODATA PENULIS	5
4.1	BIODATA PENULIS 1	6
4.2	BIODATA PENULIS 2	7
5.0	Pengenalan	8
6.0	TRANSKRIP WAWANCARA	9
7.0	LOG WAWANCARA.....	116
8.0	KRONOLOGI.....	120
9.0	BIODATA ALUMNI	124
10.0	SENARAI SOALAN	126
11.0	RALAT	138
12.0	RUMUSAN	139
13.0	SENARAI RUJUKAN	140
14.0	LAMPIRAN	141
15.0	INDEKS.....	143

1.0 PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan syukur yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan yang diberikan ini dengan jayanya pada waktu yang ditetapkan.

Kami juga mengambil kesempatan ini merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah subjek IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan, iaitu Encik Mohd Faizal Bin Mohd Ramsi yang begitu sabar mengajar kami sepanjang semester ini. Beliau telah memberikan banyak tunjuk ajar, galakan dan maklumat kepada kami bagi menyiapkan tugas ini.

Tidak dilupai juga kepada ibu bapa kami yang tidak putus memberikan dorongan, memberikan semangat tanpa putus dan mendoakan kejayaan kami selama ini. Tanpa mereka, projek ini tidak akan dapat disiapkan dengan jayanya.

Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada Encik Ghazali Mohd Fadzil atas usaha sama untuk menyiapkan projek ini. Beliau banyak memberi nasihat dan penerangan yang lebih mendalam terhadap kerja kursus ini. Beliau juga menunjukkan contoh dan tauladan yang baik sebagai alumni Fakulti Pengurusan Maklumat.

Terima kasih kepada rakan rakan seperjuangan yang memberi semangat dan tidak putus membantu dan memberi tunjuk ajar untuk menyiapkan kerja kursus ini dengan jayanya. Terima kasih sekali lagi.

Sesungguhnya kami sangat menghargai semua bantuan dan dorongan dari semua pihak. Tanpa tulang belakang yang menjayakan projek ini. Mana mungkin projek ini menjadi berjaya dan dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan.

Sekian, Terima Kasih.

Letih berjalan di tengah pekan,

Singgah sebentar di gerai siti,

Terima kasih kami ucapkan,

Atas segala jasa dan bakti.

2.0 ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Ghazali Bin Mohd Fadzil mengenai sumbangan beliau terhadap Fakulti Pengurusan maklumat, dan mengenai kerjaya beliau sebagai Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat yang berjaya. Temubual ini dijalankan di Perpustakaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Perdana pada 23 Mei 2015 bermula jam 9.00 pagi. Beliau bekerja sebagai Deputy Director of Human Capital Development, Center Bank of Malaysia dan merupakan alumni yang berjaya dalam mengendalikan Knowledge Management Resources Center di Bank Negara Malaysia. Beliau juga merupakan penceramah yang banyak memberikan pendedahan terhadap perkongsian maklumat dan kewujudan pengurusan maklumat kepada universiti-universiti dan syarikat serta pusat sumber di Malaysia. Beliau turut menceritakan pengalaman beliau sebagai Alumni Pengurusan Maklumat untuk pendedahan terhadap industri pekerjaan dan pendedahan Pengurusan Maklumat dalam mengendalikan maklumat dan pengetahuan sesuatu subjek.*

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA: ENCIK GHAZALI MOHAMED FADZIL

3.0 SINGKATAN

AA	Ahmad bin Mohd Azhar
CEO	Chief Executive Officer
CSR	Cooperate Social Responsibility.
DDC	Dewey Decimal Classification
E-books	Electronic Books
E- technology	Electronic Technology
FPM	Fakulti Pengurusan Maklumat
GMF	Ghazali Mohd Fadzil
HR	Human Resources
IBBM	Institut Bank-Bank Malaysia
IBFIM	Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia
IT	Information Technology
KL	Kuala Lumpur
LCC	Library Congress Classification
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MC	Pengerusi Majlis
MII	Malaysian Insurance Institute
MOU	Memorandum of Understanding
NZ	Nazirul
TM Net	Telekom Malaysia Network
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UniKL	Universiti Kuala Lumpur
UTM	Universiti Teknologi Malaysia